



POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2-14, Jalan Setiawangsa 10
Taman Setiawangsa
54200 KUALA LUMPUR



Tel : 03 - 4251 8000
Faks : 03 - 4252 7979
Laman Web : www.pmkl.edu.my
Facebook: PoliteknikMETrOKualaLumpur

Rujukan Kami : PMKL.600-1/2 Jld 2 (5)
Tarikh : 24 Mei 2019

Kepada,
Bakal Pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur

Saudara/i,

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU HALUAN SISWA SESI JUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menyambung pengajian di institusi ini. Terima kasih juga diucapkan kerana memilih politeknik sebagai institusi pilihan untuk menyambung pengajian saudara/i.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa tarikh pendaftaran bagi pelajar baharu berdasarkan ketetapan berikut:

Tarikh : 24 Jun 2019 (Isnin)
Tempat : Politeknik METrO Kuala Lumpur
No 2-14, Jalan Setiawangsa 10,
Taman Setiawangsa,
54200, Kuala Lumpur

Program	Masa Pendaftaran Pelajar	Masa Taklimat Am (Ibubapa/Penjaga)
Diploma Pengurusan Hotel (DHM) & Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)	8.30 pagi – 10.00 pagi	9.30 pagi – 10.30 pagi
Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)	10.45 pagi – 12.00 tengah hari	11.30 tengahari – 12.00 tengah hari

Untuk makluman, program Minggu Haluan Siswa pelajar baharu akan bermula pada **24 Jun 2019** dan **WAJIB dihadiri** oleh saudara/i.

4. Bagi tujuan kelancaran proses pendaftaran, saudara/i dikehendaki membuat pendaftaran secara online di <http://spmp.pmkl.edu.my> mulai **31 Mei 2019** selepas 2 hari membuat pembayaran yuran. **Buku Panduan Pendaftaran** yang mengandungi kaedah pembayaran yuran, pra pendaftaran online, etika/kod pemakaian pelajar serta senarai semak dokumen semasa pendaftaran boleh dimuat turun di www.pmkl.edu.my. Kegagalan untuk memuat turun dokumen pendaftaran akan merumitkan proses pendaftaran pelajar.

5. Berikut adalah beberapa maklumat tambahan untuk rujukan dan tindakan saudara/i. Maklumat tersebut adalah:-

- i. Pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi kod etika berpakaian semasa hari pendaftaran dan sepanjang Minggu Haluan Siswa. (Sila rujuk **Buku Panduan Pendaftaran** untuk maklumat lanjut)
- ii. Maklumat ringkas bagi semua program pengajian serta bayaran uniform/kelengkapan kelas praktikal bagi pelajar yang ditawarkan program Diploma Pengurusan Hotel (DHM).
- iii. Untuk pengetahuan saudara/i, pihak politeknik tidak menyediakan atau menguruskan penginapan asrama pelajar. Justeru itu, disertakan beberapa cadangan rumah sewa yang berdekatan politeknik untuk kemudahan penginapan pelajar.
- iv. Senarai Semak Dokumen yang perlu disediakan/dibawa semasa hari pendaftaran.

6. Saudara/i dimohon untuk mematuhi masa dan peraturan yang ditetapkan semasa sesi pendaftaran dan Minggu Haluan Siswa ini. Sekiranya saudara/i **TIDAK MENDAFTAR** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan tanpa sebarang pemberitahuan, politeknik beranggapan saudara/i menolak tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HIKMATULLAH BIN HAJID AHMAD KHAN)

Pengarah

